

16 JUN 1999

Labuan-Pelancongan

LABUAN: DARIPADA PUSAT KEWANGAN KEPADA SEBUAH SYURGA PELANCONGAN

Oleh: Mohd Haikal Mohd Isa

KUALA LUMPUR: Wilayah Persekutuan Labuan kini terkenal di seluruh dunia, bukan kerana kaya dengan daya tarikan pelancongnya, tetapi sebagai sebuah Pusat Kewangan Luar Pantai Antarabangsa (IOFC) yang menjadi tumpuan pengaliran modal tanpa batas.

Sejak diwartakan sebagai IOFC pada 1989, pulau Labuan yang terletak kira-kira 120km ke selatan Kota Kinabalu, hanya berupaya menarik sebilangan besar kalangan yang berpakaian eksekutif seperti golongan profesional, ahli perbankan dan eksekutif kewangan, bukan pelancong yang berpakaian seluar pendek bermuda.

Pengarah Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia cawangan Sabah (MTPB), Zakaria Mohd Nani mengakui bahawa masih banyak yang perlu dilakukan bagi mempromosikan Labuan sebagai sebuah destinasi pelancongan, tanpa mengusik imejnya sebagai IOFC alternatif kepada Singapura dan Hong Kong.

Menurut rekod, Labuan menempatkan 1,870 syarikat luar pantai dan syarikat-syarikat sokongan sehingga Disember lepas, berbanding 1,657 pada akhir 1997.

Pada akhir 1998, terdapat 62 bank luar pantai, 48 syarikat insuran dan syarikat-syarikat yang ada kaitan dengannya serta 20 syarikat amanah.

Adalah diakui bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi perhatian peribadi kepada pembangunan dan kemajuan Labuan, sama seperti yang diberikannya kepada Langkawi, yang kini boleh dianggap sebiji mutiara dalam industri pelancongan negara.

Ketika berkunjung ke pulau itu Mac lepas, Dr Mahathir mengarahkan agar kerja-kerja lanskap oleh majlis perbandaran Labuan dipercepatkan bagi menukar wajahnya menjadi sebuah pulau taman yang serba indah.

"Kerajaan memang berhasrat untuk menukar wajah Labuan menjadi sebuah destinasi pelancongan yang ulung dengan memiliki taman yang terindah di dunia," kata Zakaria kepada sekumpulan wartawan yang berkunjung ke pulau itu untuk meninjau dari dekat strategi yang diambil MTPB bagi menjadikan Labuan sebuah syurga pelancongan.

Di luar pulau itu, tidak ramai yang mengetahui bahawa Labuan ialah gedung kepada beberapa peninggalan sejarah sejak zaman kesultanan Brunei hingga penyerahan Labuan oleh British kepada Malaysia.

Tidak jauh daripada Dataran Labuan terdapat sebuah tugu menandakan tapak pendaratan anggota 9 Divisyen Tentera Australia pada 10 Jun 1945 yang akhirnya berjaya membebaskan pulau itu daripada pendudukan tentera Jepun.

Pada ketika Perang Dunia Kedua masih memuncak, penguasaan ke atas Labuan dianggap strategik kerana ia menguasai laluan laut yang menghubungkan beberapa saluran bekalan utama antara Jepun dan Tanah Melayu.

Terletak bersebelahan tugu Australia itu ialah sebuah tugu tentera Jepun yang dibina bagi mengingatkan pemerintah tertingginya di British Borneo, Jeneral Maida, yang terbunuh apabila kapal terbangnya terhempas di Bintulu ketika dalam perjalanan untuk membuka sebuah lapangan terbang di Labuan pada 5 September 1942.

Pada Disember 1942, kerajaan Jepun telah memberi nama baru kepada Labuan iaitu "Pulau Maida", atas arahan panglima agung tentera Jepun, Jeneral Tojo yang turut melintasi perairan pulau itu pada Julai 1943.

Beberapa meter daripada tugu Maida, terdapat satu lagi tugu perang iaitu yang menandakan pendaratan Putera Wales, pada 17 Mei 1922.

Tidak jauh daripada pelabuhan dan jeti perindustrian yang sentiasa sibuk terdapat pula Pusara Perang Labuan atau Pusara Perang Komanwel,

tempat bersemadi beribu-ribu anggota tentera yang terbunuh ketika berjuang menentang tentera pendudukan Jepun pada Perang Dunia Kedua.

Walaupun kebanyakan perajurit yang disemadikan di situ berbangsa Australia atau Inggeris yang beragama Kristian, pelawat juga boleh menemui kubur-kubur mereka yang beragama Islam, Yahudi dan lain-lain yang turut terkorban, serta kubur-kubur perajurit yang tidak dikenali yang berjumlah kira-kira separuh daripada 3,908 kubur di situ.

Di tengah-tengah perkuburan perang itu terdapat pula sebuah tugu untuk askar Australia yang terbunuh ketika beroperasi di Borneo pada ketika itu atau ketika menjadi tahanan perang di Borneo dan Filipina.

Perkuburan itu tidak pernah putus menerima kunjungan pelawat khususnya para waris dan rakan-rakan seperjuangan yang masih hidup, terutama daripada Australia, New Zealand dan Britain.

Satu lagi tugu perang di Labuan ialah "Taman Damai Labuan" yang dibina pada 1984 bagi mengingati beribu-ribu lagi yang terkorban di Borneo sepanjang peperangan itu. Taman itu juga dibina untuk dijadikan simbol harapan bagi keamanan yang berpanjangan di muka bumi serta harapan agar wujudnya hubungan harmoni yang berterusan antara Malaysia dan Jepun.

Tidak jauh daripada taman itu terdapat pula sebuah memorial yang menandakan penyerahan diri tanpa syarat Pasukan 32 Japanese Southern Army yang beroperasi di Borneo Utara dan Sarawak kepada Pemerintah 9 Divisyen Tentera Australia pada 9 September 1945.

Tarikan jelas Labuan tidak hanya terdapat di darat malah di dasar laut yang menawarkan pengalaman tidak terbatas pada pakar penyelam dan pelatih.

Borneo Divers, sebuah syarikat menyelam yang pernah memenangi anugerah, menjanjikan pengalaman mencabar kepada para penyelam dengan adanya berbagai jenis kapal karam di dasar laut perairan Labuan.

Menurut syarikat itu, terdapat empat bangkai kapal di sekeliling Labuan yang dinamakan "The American Wreck", "The Cement Wreck", "The Australian Wreck" dan "The Blue Water Wreck".

"The American Wreck" dikenali pasti sebagai kapal penyapu periok api Amerika USS Salute, yang tenggelam pada 8 Jun, 1945 dan meragut sembilan nyawa selepas terlanggar sebuah periok api sewaktu Tentera Bersekutu melancarkan serangan awal ke atas tentera Jepun di Teluk Brunei, Borneo.

"The Cement Wreck" terletak kira-kira 20km daripada daratan pulau itu adalah bangkai kapal "Tung Hwang" sepanjang 105 meter yang tenggelam setelah terlanggar Tebing Samarang pada 25 Sept, 1980, ketika sedang membawa muatan simen ke Brunei untuk pembinaan istana baru Sultan.

"The Blue Water Wreck" adalah kapal pukut tunda Filipina "MV Mabini Padre" dan nama samarannya diperolehi setelah ia boleh dilihat sewaktu musim kemarau apabila air laut bertukar warna betul-betul biru.

"The Australian Wreck" dikenali pasti sebagai kapal pengangkut Belanda "S.S De Klerk". Dibina pada tahun 1900 di Amsterdam untuk digunakan oleh Dutch Indies (kini Indonesia). Tentera Laut Belanda merosakkannya di Tanjong Priok pada 2 Mac, 1942, untuk mengelak daripada jatuh ke tangan tentera Jepun yang sedang mara.

Pihak Jepun membaik pulihnya pada bulan November 1942 dan meletakkannya kembali dalam perkhidmatan pada awal 1943, dan menamakannya "Imabari Maru".

Demi menambahkan lagi kegemilangan pada barisan bangunan-bangunan bersejarah dan tugu peringatan di pulau itu, Lembaga Pembangunan Labuan (LDA) juga mula membangun semula "Rumah Hara-Kiri", yang dinamakan sedemikian rupa kerana ia menyaksikan upacara keramat "Hara-Kiri" oleh askar Jepun selepas tentera maharaja tewas.

Lembaga itu dijangka menyiapkan rumah itu untuk kunjungan pelawat sebelum akhir tahun ini dan ia telah memohon bantuan kewangan daripada Tokyo untuk tujuan itu.

Selain daripada tugu peringatan bersejarah, LDA bersama rakan kongsi

swastanya, turut menyusun beberapa agenda seperti mencari harta karun di dasar laut, pertandingan memancing antarabangsa, jet ski, dan pesta permainan tradisional.

Turut diadakan ialah Pelancongan BIMP-EAGA, Pertunjukan Perdagangan dan Kewangan pada September ini, Hari Peringatan (Remembrance Day) pada November dan Karnival Labuan Disember ini sebagai menarik para pelancong tempatan dan luar negeri.

Menurut LDA, segala usaha untuk mempromosikan Labuan meraih hasil setelah ia mencatat pertambahan kunjungan pelancong ke pulau itu. Seramai 542,481 pelancong tiba tahun lepas berbanding 460,814 tahun sebelumnya.

Namun, krisis kewangan turut mencengkam Labuan yang hanya menerima 96,241 pelancong sehingga April tahun ini, dan para pegawai pelancongan kini giat berusaha memulihkan keadaan. -- Bernama

MHI/AM/RR